

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



**SYARAHAN JEMPUTAN BERSAMA
PENSYARAH DAN PELAJAR
UNIVERSITAS NEGERI MALANG,
INDONESIA**

Ditulis oleh:

Dr. Siti Hajar Alias

PM Ts ChM Dr. Sheikh Ahmad Izaddin bin

Sheikh Mohd Ghazali

Tanggal 30 November 2023 yang lalu, seorang pensyarah kimia dari Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS) telah dijemput untuk berkongsi ilmu bersama pelajar-pelajar dan pensyarah di Universitas Negeri Malang, Indonesia. Program ini dianjurkan oleh Fakulti Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam (FMIPA), Universitas Negeri Malang, Indonesia diatas kapasiti kepakaran bidang logik kabur.

Program syarahan ini telah berlangsung selama 2 hari dan dikendalikan oleh moderator iaitu Prof. Dr. Muntholib. Pada hari pertama syarahan adalah berkisar mengenai pengenalan dan aplikasi logik kabur di dalam bidang penyelidikan sains dan sains sosial. Contoh-contoh penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi di dalam bidang sains dan bidang sains sosial juga dibincangkan di dalam syarahan ini. Seramai 70 pelajar dan pensyarah dari Fakulti Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam, Universitas Negeri Malang, Indonesia telah turut serta mengikuti program ini.



Gambar 1: Syarahan pada hari pertama

Pada hari kedua, objektif program adalah lebih tertumpu kepada penggunaan logik kabur menggunakan perisian MATLAB secara praktikal, para peserta telah dipecahkan kepada kumpulan kecil bagi memudahkan proses pembelajaran dan kefahaman dikalangan para peserta. Seramai 18 orang pelajar pascasiswazah dari FMIPA, Universitas Negeri Malang juga telah menyertai program pada hari kedua ini. Sepanjang program dijalankan para peserta telah dedahkan mengenai cara penggunaan perisian MATLAB, kaedah memasukkan data dan cara menganalisis data dari aplikasi logik kabur di perisian MATLAB secara terperinci. Soal-jawab juga dijalankan supaya pelajar lebih memahami dengan lebih jelas cara penggunaan Matlab dalam menganalisa data untuk logik kabur.



Gambar 2: Pensyarah dan pelajar yang menyertai program pada hari pertama

Selepas program, perbincangan mengenai beberapa projek penyelidikan yang melibatkan logik kabur telah dijalankan bersama Prof. Dr. Hadi Nur, Prof. Dr. Muntholib dan beberapa orang pelajar FMIPA. Perbincangan secara lebih terperinci mengenai analisis data melibatkan data-data yang dikumpulkan oleh pelajar-pelajar pascasiswazah menggunakan logik kabur telah dijalankan.

Pada akhir program, perbincangan mengenai projek-projek bersama dua universiti juga telah dibincangkan bersama. Perbincangan di antara university adalah supaya dapat menerokai peluang untuk projek penyelidikan kolaboratif atau inisiatif akademik di antara Universitas Negeri Malang dan Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan.

Secara kesimpulannya, program ini dapat mewujudkan kolaborasi penyelidikan dan akademik di antara dua universiti iaitu Universitas Negeri Malang dan Universiti Teknologi MARA selain daripada perkongsian ilmu pengetahuan.



Gambar 3: Selesai program “hands on” logik kabur bersama pelajar dan pensyarah FMIPA



Gambar 4: Poster jemputan